

Headline	AIA lancar A-Life Cancer360		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	279,000
Page No	32	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	251 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,671
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,013



AIA Bhd memperkenalkan pelan baru kanser untuk melindungi rakyat Malaysia daripada kesan kewangan memerangi kanser, yang kini merupakan satu penyakit pembunuh utama di negara ini.

Pelancaran A-Life Cancer360 serentak dengan projek AIA Bhd yang dikenali sebagai The Health Report Card oleh AIA menggalakkan rakyat Malaysia mengawal kesihatan mereka sewaktu berhadapan trend peningkatan penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup.

Kempen dalam talian menjemput rakyat Malaysia untuk menghantar kad laporan kesihatan kepada orang tersayang selepas menilai diet, aktiviti fizikal dan kesihatan emosi.

Mengambil kira keperluan kewangan pertengahan hingga jangka panjang bagi memerangi kanser dan mewujudkan pelan menyokong pernegang polisi, sama ada di peringkat awal atau di peringkat lanjutan untuk melawan penyakit ini.

Melalui pelan A-Life Cancer360, pemegang polisi yang disahkan menghidap kanser peringkat awal akan menerima bayaran pendahuluan

AIA lancar A-Life Cancer360

 THE REAL LIFE COMPANY

Persediaan untuk memerangi kanser.

sebanyak 30 peratus daripada jumlah perlindungan atau jumlah diinsuranskan untuk membolehkan mereka mendapatkan rawatan segera yang diperlukan.

Ketua Pegawai Pemasaran AIA Bhd, Thomas Wong berkata, kajian dilakukan dengan pelanggan menunjukkan keimbangan terbesar berkaitan kesihatan adalah jika disahkan menghidap kanser.

"Kanser bukan hanya memberi kesan kepada individu itu, tetapi kepada keluarga dari segi emosi, fizikal dan kewangan.

"AIA mengemukakan pelan yang boleh meringankan beban kewangan keluarga yang mengalami kesan penyakit ini, supaya mereka boleh menumpukan tenaga terhadap rawatan dan pemulihian," katanya dalam satu kenyataan media.

Katanya, A-Life Cancer360 mengakui kos sebenar kanser bukan sekadar bil perubatan.

"Terdapat lain-lain kos bukan perubatan yang perlu diambil kira seperti pengangkutan, bantuan rumah, terapi alternatif, makanan tambahan khas dan penjagaan anak.

"Biasanya, perbelanjaan tambahan dialami apabila pesakit kehilangan pendapatan disebabkan oleh ketidakmampuan mereka untuk bekerja semasa menghadapi penyakit," katanya.



THOMAS WONG